

TARIKH	17 / Mei / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	Ekonomi

TH agih hasil jualan THIP kepada pendeposit

KUALA LUMPUR 16 Mei - Lembaga Tabung Haji (TH) dipercayai akan mengagihkan sebahagian keuntungan daripada penjualan kepentingannya dalam PT TH Indo Plantation (THIP) yang bernilai hampir RM3 bilion kepada tujuh juta pendepositnya.

Bagaimanapun, TH belum menentukan lagi jumlah dan bentuk agihan yang bakal diberikan kepada para pendepositnya, menurut sumber.

TH kini masih dalam proses melupuskan 95 peratus kepentingannya dalam THIP yang dijangka selesai sepenuhnya pada bulan Julai atau Ogos ini.

Menurut sumber, hasil jualan sebanyak hampir RM3 bilion itu adalah lebih daripada tiga kali nisbah tempahan kepada harga dan lebih daripada 45 kali nisbah harga hasil.

"Kedua-dua nisbah tempahan kepada harga dan nisbah pendapatan harga adalah berdasarkan kepada nilai tempahan bersih," kata sumber itu.



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

Mengulas lanjut mengenai cadangan penjualan aset itu, sumber itu berkata, sebagai pengurus dana, TH berhak melakukan pelaburan dan melupuskan pelaburan sekiranya ia mendapat keuntungan yang tinggi.

"Sekiranya ladang tersebut dikekalkan, TH tidak mungkin mendapat keuntungan (hampir RM3 bilion) seperti yang diperoleh daripada penjualan ini," kata sumber itu.

THIP adalah syarikat kerjasama dengan nisbah penguasaan 95:5 peratus antara TH melalui syarikat-syarikat miliknya, TH Indopalms Sdn. Bhd. dan TH Indo Industries Sdn. Bhd. dan sebuah syarikat berpangkalan di Indonesia.